

Ruj. Tuan:

Ruj. Kami: LPK:PB/600-4/1 Jld. 3 (18)

Tarikh : 16 Jun 2021

KEPADA SEMUA PENGGUNA PELABUHAN

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Tuan / Puan,

PEKELILING PENGURUS BESAR LEMBAGA PELABUHAN KELANG BIL. 14/2021

PELEPASAN BARANGAN SELAIN DARIPADA BARANGAN PENTING (NON-ESSENTIAL CARGO / CONTAINER) SECARA BERPERINGKAT BAGI MENGURANGKAN KESESAKAN DI PELABUHAN KLANG SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (TOTAL LOCKDOWN) YANG BERMULA 1 HINGGA 28 JUN 2021

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas, Pekeliling Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Kelang Bil. 11/2021 bertarikh 31 Mei 2021 dan Kenyataan Media Menteri Kanan Pertahanan bertarikh 11 Jun 2021.

2. Dimaklumkan bahawa Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 11 Jun 2021 telah melanjutkan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (Total Lockdown) sehingga 28 Jun 2021. Mesyuarat yang sama juga telah meluluskan aktiviti *loading* dan *unloading* bagi aktiviti import dan eksport untuk barangan selain daripada barangan penting (non-essential cargo /container) terhad kepada barangan yang sedia ada sahaja.

3. Dimaklumkan juga bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengemas kini dan mengeluarkan SOP Pengangkutan & Logistik yang baru pada 15 Jun 2021 untuk pelepasan barangan selain daripada barangan penting (non-essential cargo / container) (rujuk Lampiran 1).

4. Susulan dengan itu, Lembaga Pelabuhan Kelang (LPK) akan mula melaksanakan pelepasan barangan selain daripada barangan penting (non-essential cargo / container) pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat (8.00 pagi hingga 8.00 malam) di kedua-dua Terminal Pelabuhan (Northport dan Westports) berdasarkan syarat-syarat berikut:

- 4.1 Kebenaran diberikan terhadap barangan selain daripada barangan penting (non-essential cargo / container) untuk dikeluarkan dari pelabuhan dan dihantar ke gudang / premis / kilang yang berada di luar kawasan pelabuhan dalam tempoh yang ditetapkan ini.
- 4.2 Kebenaran ini juga merangkumi barangan siap selain daripada barangan siap penting (non-essential finished product) untuk diambil dari gudang / premis / kilang di luar kawasan pelabuhan yang dihantar ke pelabuhan bagi tujuan eksport.
- 4.3 Pengimport / Pengeksport / Operator Gudang perlu mendapatkan kelulusan daripada Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan mengemukakan bukti dokumen (seperti *invois*, *packing list*, *Bill of Lading*) berkaitan barangan bagi membuka gudang / premis / kilang untuk menjalankan aktiviti pemungghahan (*unstuffing*) / pemuatan (*stuffing*) barangan. Majikan perlu memastikan senarai nama pekerja disertakan dalam permohonan operasi kepada PDRM.
- 4.4 Pekerja perlu menunjukkan kelulusan PDRM apabila melalui sekatan jalan raya (SJR) atau semasa penguat kuasa menjalankan pemeriksaan di gudang / premis / kilang.
- 4.5 Jumlah maksimum pekerja yang dibenarkan untuk bekerja adalah seramai 8 orang bagi pemungghahan 1 kargo / kontena dan tambahan seramai 2 orang bagi setiap pertambahan kargo / kontena yang dipungghah pada masa yang sama. Contoh pengiraan adalah seperti berikut:
 - i. 1 kargo / kontena : 8 orang pekerja
 - ii. 2 kargo / kontena : 10 orang pekerja
 - iii. 3 kargo / kontena : 12 orang pekerja
- 4.6 Majikan perlu memastikan pekerja-pekerja yang bertugas tidak mempunyai gejala wabak COVID-19 dan mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya seperti melakukan *temperature screening* serta menggunakan pelitup muka, *hand sanitizer*, mengamalkan penjarakan sosial dan mematuhi protokol kesihatan umum yang digariskan dalam SOP Am MKN.
- 4.7 Syarikat Pengangkutan dan Operator Terminal perlu memastikan pemandu-pemandu haulier / lori tidak mempunyai gejala wabak COVID-19 dan mengambil langkah-langkah pencegahan sewajarnya selaras dengan SOP Am MKN dan pekeliling / SOP yang dikeluarkan oleh LPK. Pemandu yang menunjukkan gejala wabak COVID-19 (seperti suhu badan melebihi 37.5 darjah Celcius) tidak dibenarkan untuk bertugas atau memasuki kawasan terminal pelabuhan.

- 4.8 Pergerakan haulier / lori bagi tujuan pengangkutan barangan adalah dibenarkan seperti SOP yang sedia ada seperti:
- i. Tempoh untuk beroperasi adalah 24 jam;
 - ii. Kehadiran pekerja pada tahap yang optimum;
 - iii. Dibenarkan merentas daerah / negeri;
 - iv. Surat kelulusan SMILE (MOT) perlu disertakan bersama bagi tujuan pengesahan operasi kenderaan perdagangan.
- 4.9 Untuk tujuan seperti di para 4.8, Syarikat Pengangkutan hendaklah mengoptimumkan pergerakan pengangkutan agar pengeluaran / penghantaran barangan selain daripada barangan penting (non-essential cargo / container) dari / ke pelabuhan tidak melibatkan pergerakan tambahan.

5. Pengecualian caj penyimpanan (storage charge) dan caj pengalihan (removal charge) akan diberikan kepada kargo / kontena (non-essential) yang diturunkan dari kapal dalam tempoh 31 Mei 2021 hingga 28 Jun 2021 dan dikeluarkan dari pelabuhan / gudang / CFS sepanjang tempoh pelepasan yang diberikan ini (pada setiap hari Isnin, Rabu dan Jumaat) tertakluk permohonan bagi pengecualian caj penyimpanan (storage charge) dan caj pengalihan (removal charge) hendaklah dimajukan kepada Operator Terminal Northport dan Westports (rujuk **Lampiran 2**) atau Operator Gudang / CFS yang beroperasi di dalam kawasan pelabuhan untuk tujuan penyemakan dan pengesahan sebelum pertimbangan diberikan berdasarkan kepada kes demi kes (case to case basis).

6. Pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberikan oleh Operator Terminal (Northport / Westports) walaupun kes yang dimajukan itu mempunyai merit, rayuan hendaklah dimajukan kepada pihak LPK untuk tindakan selanjutnya.

7. Sebarang pertanyaan / permohonan bagi pengecualian caj *demurrage* / caj *detention* pula hendaklah dimajukan terus kepada Syarikat Perkapalan / NVOCCs. LPK akan memaklumkan kepada Syarikat-Syarikat Perkapalan / NVOCCs untuk mempertimbangkan permohonan tersebut sekiranya kontena tersebut juga telah diberikan pengecualian caj penyimpanan dan caj pengalihan di pelabuhan.


8. Sehubungan itu, LPK menyeru semua pengguna pelabuhan untuk mengambil kesempatan ini bagi mengeluarkan kontena / kargo konvensional (non-essential) yang disimpan di dalam pelabuhan, kargo dan barangan yang disimpan di dalam gudang / CFS serta kenderaan yang disimpan di *Vehicle Transit Centre* (VTC) dan membuat penghantaran kargo / kontena yang sudah siap balik ke pelabuhan dalam tempoh pelepasan yang diberikan ini.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(KAPT. K. SUBRAMANIAM)
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Kelang

mamp/josc



SOP PENGANGKUTAN & LOGISTIK (PKP)

LAMPIRAN 1

Dikemaskini pada 15 Jun 2021

Merangkumi

1. Aktiviti penerimaan kargo/barangan import non-essential di premis bagi tujuan simpanan
2. Aktiviti pemungghahan kargo/barangan non-essential bagi di tujuan eksport
3. Aktiviti Penstoran (pergudangan)

TERHAD kepada barangan yang sedia ada sahaja

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Tidak Dibenarkan.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 265/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawasan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Pekeliling MKN dan KKM.
- Akta Pengangkutan Jalan 1987.
- Akta Pengangkutan Awam Darat 2010.
- Akta Lembaga Perlesenan Kenderaan Perdagangan 1987.
- Akta Keretapi 1991.

Waktu Beroperasi	8 pagi – 8 mlm (Isnin, Rabu & Jumaat)	Kapasiti Pekerja	Mengikut keperluan loading kargo
AKTIVITI DAN PROTOKOL			
Tindakan			
Keberanan membuka premis	Pembukaan premis bagi tujuan pemungghahan barangan ini perlu mendapatkan kelulusan dari PDRM dengan mengemukakan bukti dokumen import/eksport barangan		
Pergerakan pekerja	Majikan perlu memastikan senarai nama pekerja di sertakan dalam permohonan operasi kepada PDRM		
Jumlah pekerja yang dibenarkan	<ul style="list-style-type: none"> • Maksima 8 pekerja bagi pemungghahan 1 kargo/kontena. • Tambahan 2 org bagi setiap penambahan kargo/kontena yang dipungghah pada masa yang sama <p>Cth: 2 kargo/kontena = 8 + 2 (ekstra) = 10 org 3 kargo/kontena = 8+2+2 = 12 org</p> <ul style="list-style-type: none"> • Hanya pekerja yang bertugas (active duty) dibenarkan berada di permis 		
Protokol Kesihatan Umum	<ul style="list-style-type: none"> • Mematuhi protokol kesihatan umum yang digariskan dalam SOP AM MKN 		

LAMPIRAN 2

Permohonan pengecualian caj penyimpanan (*storage charge*) dan caj pengalihan (*removal charge*) bagi kontena dan kargo perlu dimajukan kepada Operator Terminal seperti berikut:

NORTHPORT MALAYSIA BERHAD

Kontena:

Nama: En. Rajentheran Govindasamy
E-mel: rajentheran@northport.com.my

Konvensional:

Nama: En. Ng Yuan Jie
E-mel: yuanjie@northport.com.my

WESTPORTS MALAYSIA SDN BHD

Kontena:

Nama: En. Sangkar Anamalai
E-mel: shankar@westports.com.my

Konvensional:

Nama: En. Azhar Alwi
E-mel: azhar@westports.com.my

Nama: Cik. Kamini Chandran
E-mel: kamini@westports.com.my